



## KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

### CADANGAN MENAIK TARAF DAN MENGOPERASI RESTORAN DI PUSAT KAWALAN TEMPATAN EMPANGAN, TAMAN SERI EMPANGAN, PRESINT 5, PUTRAJAYA (NO RUJUKAN RFP: PPJ.KL.700-2/1/2(1))

- RFP adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai pengalaman, keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:
- Maklumat RFP dan kelayakan asas pencadang adalah seperti berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN BOLEH DIAMBIL	TARIKH, WAKTU & TEMPAT <i>RFP</i> TUTUP
<p>Didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016</p> <p>&amp;</p> <p>Mempunyai modal berbayar sebanyak RM300,000.00</p>	<p>20 Februari 2023 (Isnin)</p> <p>(10:00 pagi)</p> <p>Bilik Mesyuarat Pusat Kawalan Empangan, Taman Seri Empangan, Presint 5, 62200 Putrajaya.</p>	<p>20 Februari 2023 (Isnin)</p> <p>(10:00 pagi)</p> <p>Bilik Mesyuarat Pusat Kawalan Empangan, Taman Seri Empangan, Presint 5, 62200 Putrajaya</p>	<p>6 Mac 2023 (Isnin)</p> <p>(12.00 tengah hari)</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya</p>

- Pencadang-pencadang juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai pengalaman mengurus restoran lebih dari tempoh 10 tahun dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM300,000.00.
- Dokumen RFP boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Taklimat RFP yang disusuli dengan lawatan tapak akan diadakan pada **20 Februari 2023** bersamaan hari **Isnin jam 10.00 pagi**, di Bilik Mesyuarat Pusat Kawalan Empangan, Taman Seri Empangan, Presint 5, 62200 Putrajaya.
- Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat atau wakil-wakil syarikat yang sah sahaja dimana wakil-wakil syarikat adalah diwajibkan untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil syarikat juga hendaklah membawa **dokumen-dokumen asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Borang 9, 24 & 49) atau borang teras SSM dan termasuk Maklumat Korporat yang dikeluarkan oleh SSM.**
- RFP ini akan ditutup pada **6 Mac 2023** bersamaan hari **Isnin jam 12.00 tengah hari**. Dokumen RFP yang dilengkapkan dan dimasukkan kedalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti RFP yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- Pencadang hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan RFP ini.